

PERUBAHAN MAKNA KATA SERAPAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU

(SEMANTIC CHANGES OF ARABIC LOANWORDS IN THE MALAY LANGUAGE)

RAZAK, M. S. A.¹ – ABDULLAH, I.^{1*} – ISA, Y.¹ – MUSLIHAH, A.¹

¹ *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: ibrahim970[at]uitm.edu.my*

(Received 20th May 2026; revised 30th June 2026; accepted 09th July 2026)

Abstrak. Kata serapan Arab dalam bahasa Melayu mengalami perubahan leksikal, fonologi dan semantik. Perubahan leksikal dan bunyi dapat dikenalpasti dengan mudah, namun perubahan semantik merupakan aspek yang mencabar kerana melibatkan perbezaan makna antara bahasa sumber dan bahasa penerima yang memerlukan rujukan kamus dan konteks penggunaan. Perbezaan ini berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penutur, khususnya dalam domain agama yang berisiko membawa kepada kesalahan dalam pemahaman terhadap sesuatu kata. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis semantik serta menjelaskan perubahan makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu berdasarkan perbandingan makna antara Kamus Lisan Arab (KLA) dan Kamus Dewan Perdana (KDP). Fokus kajian adalah pada lapan kata serapan Arab yang kerap digunakan dalam teks khutbah Hari Raya Aidilfitri 1447H/2026 bagi negeri-negeri dalam Zon Utara iaitu negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Kata serapan yang dikaji adalah Islam, umat, rahmat, maksud, surah, ibadah, syukur dan berkat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan perbandingan semantik berdasarkan teori perubahan semantik Millar. Dapatan kajian menunjukkan perubahan semantik yang mendominasi kata serapan yang dikaji adalah penyempitan makna, diikuti peluasan makna serta beberapa pemindahan makna dan perubahan sinekdoki. Oleh itu, dengan analisis semantik dalam kajian ini, makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa asalnya dapat dilihat dengan lebih mudah dan jelas. Analisis ini memperlihatkan perbezaan makna antara kedua-dua bahasa dan diharap mampu memudahkan pemahaman serta mengelakkan kekeliruan penutur dalam memahami dan menggunakan kata serapan Arab pada masa akan datang.

Katakunci: *perubahan semantik, kata serapan Arab, kata pinjaman Arab, kosa kata Arab*

Abstract. Arabic loanwords in the Malay language have undergone lexical, phonological, and semantic changes. While lexical and phonological changes can be identified relatively easily, semantic change remains a more challenging aspect as it involves differences in meaning between the source language and the recipient language, which require reference to dictionaries and contextual usage. These differences may lead to confusion among speakers, particularly within the religious domain, where misinterpretation of certain terms may occur. Therefore, this study was conducted to analyse the semantics and explain the semantic changes of Arabic loanwords in Malay through a comparison between the meanings recorded in Lisan al-Arab Dictionary (KLA) and Kamus Dewan Perdana (KDP). The study focuses on eight Arabic loanwords frequently used in the 1447H/2026 Eid al-Fitr sermon texts across the Northern Zone states of Kedah, Perlis, Penang, and Perak. The selected loanwords analysed in this study comprise Islam, umat, rahmat, maksud, surah, ibadah, syukur, and berkat. This study employed a qualitative approach through document analysis and semantic comparison based on Millar Semantic Change Theory. The findings indicate that semantic narrowing is the most dominant type of semantic change identified in the analysed loanwords, followed by semantic broadening, as well as several cases of semantic transfer and synecdochic change. Hence, the semantic analysis presented in this study enables the meanings of Arabic loanwords in Malay and their original Arabic meanings to be understood more clearly and systematically. The analysis highlights the semantic differences between the two languages and is expected to facilitate better understanding while reducing confusion among speakers in comprehending and using Arabic loanwords in the future.

Keywords: *semantic change, Arabic loanwords, Arabic borrowings, Arabic vocabulary*

Pengenalan

Penyerapan kosa kata dari satu bahasa ke bahasa yang lain bermula dengan proses peminjaman leksikal (Sarudin dan Jalaluddin, 2017). Proses peminjaman ini merupakan bukti kukuh yang mencerminkan hubungan antara dua bangsa dan tamadun yang berbeza. Dalam konteks bahasa Melayu, pengaruh tamadun Arab sangat besar terutamanya dalam domain agama iaitu Islam (Omar, 2013; Kitagawa, 2002). Menurut Bakri dan Rusli (2022), pada asalnya penyerapan entri bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu bermula tanpa sebarang perubahan bentuk dan bunyi kerana hanya berlaku peminjaman. Konsep peminjaman terhadap sesuatu kata berlaku tanpa sebarang perubahan, sama ada perubahan bentuk atau makna (Sarudin dan Jalaluddin, 2017). Oleh itu, kata yang telah berlaku perubahan dalam bahasa lain tidak lagi dinamakan peminjaman, tetapi penyerapan dan kekal menjadi entri baru bagi bahasa tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian terhadap entri kata serapan Arab dalam perkamusan Melayu, terdapat perubahan bentuk, sebutan dan makna (Zahid et al., 2024; Yeob dan Abd Rahman, 2023; Abdul Mutalib, 2023; Sarudin dan Jalaluddin, 2017). Namun, perubahan yang paling signifikan adalah pada aspek makna (Zahid et al., 2024; Sarudin dan Jalaluddin, 2017). Perubahan makna yang berlaku dipengaruhi oleh faktor budaya dan sosial masyarakat sejak dahulu sehingga kini. Pada peringkat awal penerimaan Islam, pemindahan makna entri Arab berlaku secara terus tanpa perubahan (Bakri dan Rusli, 2022). Namun setelah merdeka, terdapat percampuran bahasa dan budaya yang sangat besar dalam kalangan masyarakat sehingga berlaku proses penyempitan, peluasan, serta penambahan makna yang sangat ketara (Zahid et al., 2024; Sarudin dan Jalaluddin, 2017). Perubahan ini menyebabkan adanya jurang makna antara makna asal dalam bahasa Arab dengan makna yang difahami dalam bahasa Melayu. Perubahan makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu boleh menimbulkan pelbagai implikasi seperti kekeliruan antara makna dalam bahasa Melayu dengan makna asalnya dalam bahasa Arab, terutamanya pada tafsiran teks (Abas et al., 2019). Keadaan ini dijangka memberi kesan terhadap kefahaman makna kata serapan Arab, terutamanya dalam domain agama, serta berpotensi mewujudkan perbezaan pemahaman makna antara penutur Arab dan penutur Melayu terhadap entri kata yang sama. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membuat perbandingan makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dan bahasa asalnya, di samping mengenal pasti jenis perubahan makna yang berlaku berdasarkan teori perubahan semantik.

Kata Serapan Arab

Kata serapan adalah istilah yang digunakan selain daripada kata pinjaman bagi menggambarkan perkataan yang dipindah masuk ke dalam bahasa penerima. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2019), bagi perkara yang abstrak, penyerapan merujuk kepada proses mengambil dan memasukkan sesuatu unsur supaya menjadi sebahagian daripada sesuatu. Contohnya “kata-kata yang sudah diserap ke dalam sistem fonologi dan morfologi Melayu”. Takrif ini bertepatan dengan definisi yang diberikan oleh Cambridge University Press dan Assessment dengan mendefinisikan kata serapan sebagai “a word taken from one language and used in another” iaitu perkataan yang diambil dari satu bahasa dan digunakan dalam bahasa yang lain. Dari aspek linguistik, kata serapan mengalami proses penyesuaian pada peringkat fonologi, ejaan, morfologi dan fungsi penggunaan agar sesuai dengan struktur bahasa penerima. Terdapat perdebatan dalam kalangan ahli akademik mengenai istilah

‘serapan’ dan ‘pinjaman’. Dalam hal ini, Sarudin dan Jalaluddin (2017) telah menjelaskan bahawa istilah ‘serapan’ adalah lebih tepat kerana entri yang diterima masuk ke dalam sesuatu bahasa telah mengalami proses integrasi dari sudut morfologi, fonologi dan semantik. Tambahan dari itu, entri tersebut juga telah menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata dalam bahasa penerima. Manakala, konsep ‘pinjaman’ pula perlu dikembalikan semula, iaitu, jika sesuatu kata dipinjamkan ke dalam bahasa lain, maka proses perubahan tidak berlaku.

Sorotan literatur


Penyerapan kata daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu telah berlaku sejak bermulanya penyebaran Islam di kepulauan Melayu. Melalui hubungan agama, pendidikan dan budaya, unsur-unsur leksikal dari bahasa Arab diterima pakai dalam kalangan masyarakat dan seterusnya mengalami penyesuaian dan perubahan dari segi bentuk, sebutan dan makna. Namun begitu, aspek yang sukar dikenalpasti secara literal adalah makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu. Proses ini memerlukan penelitian yang mendalam untuk dikenalpasti, difahami dan seterusnya dapat digunakan dengan baik dalam bahasa Melayu. Oleh itu, sorotan literatur ini disusun untuk menghuraikan kajian-kajian yang pernah dijalankan dalam aspek semantik. Terdapat kajian khusus yang dijalankan oleh Zahid et al. (2024) mengenai peluasan makna yang berlaku pada kata serapan Arab dalam Kamus Dewan Perdana (KDP). Kajian yang dijalankan adalah analisis semantik perbandingan, iaitu perbandingan antara makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dengan makna asalnya dalam bahasa Arab. Pengkaji mengenal pasti pola peluasan makna dan merumuskannya sebagai asas pembinaan prototaip perubahan semantik. Terdapat dua kategori pola peluasan makna iaitu pola takrifan umum dan pola takrifan spesifik.

Selain itu, Abu Bakar et al. (2024) turut menjalankan kajian semantik terhadap kata serapan Arab iaitu domain semantik syariah. Fokus kajian ini adalah pengklasifikasian kata serapan Arab yang berkaitan dengan bidang syariah. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan kata pinjaman bahasa Arab berserta maknanya dalam Kamus Dewan Perdana (KDP), kemudian menganalisis hubungan makna berdasarkan Teori Domain Semantik Trier melalui hubungan hipernim, hiponim dan kohiponim serta merujuk pandangan sarjana syariah. Sampel kajian terdiri daripada kata serapan Arab dalam domain syariah yang dibahagikan kepada empat subdomain, iaitu ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat. Hasil kajian menunjukkan bahawa domain ini dapat distrukturkan secara sistematik melalui hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain berdasarkan polisemi, sekali gus membantu pemahaman takrifan syariah yang luas. Seterusnya, Abas et al. (2019) telah menjalankan satu kajian semantik untuk mengetahui perbezaan makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dengan makna asalnya dalam bahasa Arab. Perkataan yang dikaji adalah kata yang sama atau hampir sama dari segi sebutan dan ejaan, tetapi berbeza pada makna. Pengkaji menggunakan pendekatan perbandingan, iaitu membandingkan bentuk dan makna kata dalam kedua-dua bahasa untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaannya. Pengkaji merujuk Kamus Dewan untuk mengenalpasti makna dalam bahasa Melayu dan merujuk kamus al-maany online bagi makna Arab. Sampel kajian terdiri daripada 18 kata pinjaman homofonik Arab-Melayu iaitu kata yang mempunyai persamaan pada sebutan dan bentuk. Hasil kajian menunjukkan walaupun homofonik, terdapat perbezaan makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu, iaitu separa berbeza atau sepenuhnya berbeza daripada makna asal dalam bahasa Arab.

Dalam aspek peluasan makna, Sarudin dan Jalaluddin (2017) telah menjalankan analisis semantik kognitif yang mendalam terhadap tiga kata serapan Arab iaitu wakaf, alim dan alam. Dalam kajian ini, makna setiap kata diklasifikasikan kepada tiga peringkat, iaitu makna asal, makna klasik dan makna semasa. Kajian ini merujuk konteks ayat yang digunakan dalam korpus klasik dan juga korpus semasa untuk mendapatkan makna yang digunakan. Selain itu, definisi kata juga didapatkan dengan merujuk kamus klasik dan Kamus Dewan. Hasil kajian mendapati terdapat peluasan makna kerana interaksi sosial masyarakat yang memberi kesan kepada perkembangan bahasa Melayu sejak dahulu sehingga kini. Berdasarkan keempat-empat kajian semantik ini, hanya kajian Sarudin dan Jalaluddin (2017) yang memfokuskan perubahan makna kata serapan Arab, iaitu dengan mengklasifikasikan sebagai peluasan makna. Namun begitu, kajian itu tertumpu kepada tiga kata dan hanya satu perubahan makna, sedangkan terdapat lapan jenis perubahan makna dalam kajian kata serapan (Millar dan Trask, 2015). Kajian Zahid et al. (2024) dan Abas et al. (2019) pula adalah baik, menggunakan lebih banyak sampel kajian dan membuat perbandingan makna, tetapi tidak menyatakan jenis perubahan yang berlaku. Manakala kajian Abu Bakar et al. (2024) pula lebih tertumpu kepada pengelasan subdomain ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini membuktikan bahawa kata serapan Arab dalam bahasa Melayu telah mengalami perubahan makna. Justeru itu, terdapat keperluan untuk meneliti lebih banyak perkataan lain yang berfrekuensi tinggi supaya pemahaman dan penggunaanya dalam kalangan masyarakat dapat difahami.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menghuraikan data secara deskriptif melalui perbandingan makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dengan makna asalnya dalam bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga meneliti jenis perubahan makna yang berlaku pada kata serapan Arab dengan merujuk teori perubahan semantik Millar dan Trask (2015). Terdapat lapan jenis perubahan semantik yang direkodkan seperti peluasan makna, penyempitan makna, ameliorasi, pejorasi, metonimi, sinekdoki, pemindahan makna dan metafora. Sumber data kajian diambil daripada empat teks khutbah Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah dari zon utara, iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Sebanyak 77 kata serapan Arab ditemui dalam keempat-empat teks khutbah ini. Setelah melalui beberapa proses tapisan data, hanya lapan kosa kata serapan Arab yang paling kerap muncul dalam teks khutbah tersebut dipilih sebagai sampel kajian. Kosa kata ini dilakukan semakan silang dalam Kamus Dewan Perdana (2021) untuk disahkan sebagai kata serapan Arab dengan merujuk tanda 'Ar'. Untuk menganalisis perubahan makna, Kamus Dewan Perdana (2021) dan Kamus Lisan Arab (1994) digunakan sebagai rujukan. Seterusnya, perubahan makna kata serapan Arab dalam bahasa Melayu ditentukan berdasarkan teori perubahan semantik Millar dan Trask (2015) (*Rajah 1*).



Rajah 1. Perubahan Semantik.
Sumber: Millar dan Trask (2015).

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Hasil pengumpulan data dan pemilihan lapan kata serapan Arab sebagai sampel kajian, kajian semantik dijalankan dengan merujuk Kamus Dewan Perdana (KDP) (2021) untuk mendapatkan makna bahasa Melayu, manakala Kamus Lisan Arab (KLA) (Ibn Manzūr, 1994) digunakan untuk mencari makna asalnya dalam bahasa Arab. Analisis perbandingan makna dilakukan terlebih dahulu sebelum analisis perubahan semantik dijalankan. Dengan merujuk teori perubahan semantik Millar dan Trask (2015), kata serapan ‘Islam’ mengalami beberapa bentuk perubahan makna apabila diserap ke dalam bahasa Melayu. Perubahan yang paling jelas adalah penyempitan makna. Makna dari KLA bersifat luas dan lebih komprehensif daripada makna dari KDP. Dalam KLA, ‘Islam’ merangkumi penyerahan diri kepada Allah keseluruhannya yang melibatkan aspek akidah, syariat, ibadah dan juga tasawuf iaitu tidak mensyirikkan Allah. Sebaliknya, dalam KDP, makna tersebut hanya fokus kepada pengertian sebagai agama Allah, kepercayaan dan kepatuhan kepada-Nya. Disamping itu, terdapat juga perubahan makna sinekdoki, iaitu istilah ‘Islam’ yang umum dikhususkan dengan merujuk kepada umat Islam melalui entri ‘Muslim’. Secara keseluruhannya, perubahan makna yang jelas pada kata serapan Arab ‘Islam’ dalam bahasa Melayu adalah penyempitan makna kerana berlaku kesederhanaan dalam takrif yang diberikan oleh KDP, serta perubahan semantik sinekdoki kerana berlaku pengkhususan bagi kata yang ‘Islam’ dengan merujuk kepada orang Islam (*Jadual 1*).

Jadual 1. Analisis Kata Serapan ‘Islam’.

KSA	KLA	KDP
Islam	1. الإسلام / الاستسلام : الاتقياء Tunduk, patuh, menyerah diri	1. Agama Allah SWT
	2. والإسلام من الشريعة : إظهار الخضوع وإظهار الشريعة والتزام ما أتى به النبي إظهار الخضوع – menzahirkan ketundukan kepada Allah.	2. Kepercayaan, penyerahan, ketundukan dan kepatuhan kepada Allah
	إظهار الشريعة – menzahirkan penerimaan terhadap syariat Islam.	3. Muslim
	التزام ما أتى به النبي - beriltizam (komited) dengan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.	
	3. هو المستسلم لأمر الله... وهو المخلص لله العباد	

-Orang yang menyerahkan urusannya kepada Allah,
tunduk kepada perintah-Nya.
-Orang yang memurnikan ibadah hanya untuk Allah,
tanpa syirik.

Berdasarkan analisis perbandingan makna antara KLA dan KDP bagi kata ‘umat’, terdapat beberapa bentuk perubahan makna menurut teori Millar dan Trask (2015). Perubahan yang paling jelas pada jadual di atas adalah penyempitan makna. Terdapat tujuh makna asal ‘umat’ dalam bahasa Arab, namun telah dikurangkan maknanya kepada empat makna yang saling berkaitan. Dalam KLA, ‘umat’ yang dimaksudkan adalah agama, cara hidup, kumpulan manusia, generasi, pengikut nabi, makhluk (termasuk haiwan), dan termasuklah individu luar biasa yang mewakili satu umat. Akan tetapi, dalam KDP, makna ‘umat’ dihadkan pada konteks manusia sahaja, iaitu penganut agama, masyarakat, bangsa dan seluruh manusia. Perkara ini jelas menunjukkan terdapat beberapa makna asal seperti cara hidup, pengikut Nabi, makhluk bukan manusia dan individu istimewa yang tidak diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga perubahan makna sinekdoki iaitu apabila ‘umat’ dikhususkan untuk merujuk kepada penganut agama Islam dalam kamus KDP. Sebagai kesimpulan, perubahan makna yang jelas pada kata serapan Arab ‘umat’ dalam bahasa Melayu adalah penyempitan makna. Terdapat tujuh makna asalnya dalam bahasa Arab berbanding hanya empat makna dalam bahasa Melayu. Perubahan makna sinekdoki juga dikenalpasti kerana KDP mengutamakan ‘umat’ sebagai penganut agama Islam (Jadual 2).

Jadual 2. Analisis Kata Serapan ‘Umat’.

KSA	KLA	KDP
Umat	1. والأمة والإمة : الدِّين Agama -Umat bermaksud agama atau pegangan kepercayaan	1. Para penganut sesuatu agama, terutamanya Islam
	2. والأمة : الطريقة والدين Cara hidup / sistem الطريقة – jalan atau cara hidup الدين – agama yang diikuti	2. Seluruh rakyat, orang ramai atau khalayak 3. Segolongan manusia atau sesuatu bangsa
	3. والأمة : الجماعة Kumpulan manusia, masyarakat	4. Seluruh manusia atau sekalian umat manusia
	4. الأمة : القَرْن من الناس Generasi atau kelompok manusia pada satu zaman	
	5. الأمة : أتباع النبي، كل قوم نسبوا إلى نبي... فهم أمته Pengikut nabi	
	6. الأمة : جنس من المخلوقات "وما من دابة في الأرض... إلا أمم أمثالكم" Kelompok makhluk (termasuk haiwan)	
	7. الأمة : الرجل الجامع للخير / الإمام "إن إبراهيم كان أمّة قانتاً لله" Individu istimewa (individu luar biasa yang menyamai satu umat)	

Berdasarkan analisis makna bagi kata ‘rahmat’, terdapat beberapa bentuk perubahan makna yang berlaku. Perubahan yang berlaku adalah penyempitan makna walaupun hanya sedikit pengurangan makna. Dalam KDP, makna rahmat difokuskan kepada belas kasihan, kasih sayang daripada Allah seperti nikmat dan rezeki, kebahagiaan serta faedah yang diperolehi. Manakala makna asalnya dalam bahasa Arab meliputi kasih sayang, keampunan, rezeki, ihsan, kesuburan, kenabian serta hubungan kasih sesama

manusia. Dalam hal ini, keampunan, kesuburan dan kenabian tidak diserap ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, terdapat peluasan makna ‘rahmat’ dalam bahasa Melayu iaitu kebahagiaan dan juga faedah yang diperolehi. Dalam makna asalnya, tidak dinyatakan secara khusus makna-makna tersebut. Oleh itu, bentuk perubahan makna yang dikenalpasti bagi kata ‘rahmat’ adalah penyempitan makna dan juga peluasan makna (*Jadual 3*).

Jadual 3. Analisis Kata Serapan ‘Rahmat’.

KSA	KLA	KDP
Rahmat	1. الرَّحْمَةُ : الرِّقَّةُ والتَّعَطُّفُ Kasih sayang / belas kasihan	1. Belas kasihan
Keampunan	2. الرَّحْمَةُ : المغفرة Keampunan	2. Pemberian dan kasih sayang Allah berupa nikmat, kesihatan dan rezeki
Rezeki atau pemberian Allah	3. الرَّحْمَةُ : الرِّزْقُ Rezeki atau pemberian Allah	3. Kebahagiaan
Kasih sayang Allah / ihsan	4. الرَّحْمَةُ : العَطْفُ والإحسان Kasih sayang Allah / ihsan	4. Kelebihan atau faedah
Kehidupan / kesuburan	5. الرَّحْمَةُ : الجُصْبُ والحَيَاةُ Kehidupan / kesuburan	
Kenabian	6. الرَّحْمَةُ : النُّبُوَّةُ (بالمعنى المجازي) Kenabian	
Hubungan kasih sesama manusia /belas kasihan	7. الرَّحْمَةُ : ما يترأخى به الناس Hubungan kasih sesama manusia /belas kasihan	

Perubahan yang jelas dalam analisis kata ‘maksud’ adalah penyempitan makna. Dalam KLA, terdapat tujuh senarai makna bagi kata ‘maksud’ yang berbeza antara satu sama lain, manakala dalam KDP pula, terdapat empat makna yang disenaraikan, namun terbahagi kepada dua pembahagian makna sahaja iaitu pertama tujuan ataupun hajat dan kedua erti yang terkandung dalam sesuatu pernyataan. Penyempitan ini menunjukkan beberapa makna asal seperti ‘keadilan’, ‘jalan yang lurus’ dan ‘kesederhanaan’ tidak dikekalkan dalam bahasa Melayu. Selain itu, pemindahan makna juga turut berlaku iaitu kata ‘maksud’ berubah daripada makna asalnya kepada makna ‘erti’ atau ‘makna’ pada sesuatu pernyataan atau perbuatan. ‘Erti’ atau ‘makna’ ini adalah untuk mengungkapkan sesuatu yang tersurat dan juga tersirat seperti pada teks, kiasan dan juga tindakan. Kesimpulannya, perubahan semantik kata ‘maksud’ dalam bahasa Melayu adalah penyempitan makna dan pemindahan makna (*Jadual 4*).

Jadual 4. Analisis Kata Serapan ‘Maksud’.

KSA	KLA	KDP
Maksud	مَقْصُودٌ : مفعول من قَصَدَ Kata terbitan (isim maf ‘ul)	1. Apa-apa atau sesuatu yang menjadi tujuan, hajat atau kehendak
Jalan yang lurus dan benar	1. الْقَصْدُ : استقامة الطريق Jalan yang lurus dan benar	2. Makna atau erti yang terkandung dalam sesuatu pernyataan atau perbuatan
Keadilan / sederhana	2. الْقَصْدُ : الغَدْلُ Keadilan / sederhana	3. Bahagian akhir pantun yang menggambarkan makna atau isi
Tujuan / niat	3. الْقَصْدُ : الاعتماد والام Tujuan / niat	4. Maksud hati – hasrat atau tujuan seseorang
Menuju kepada sesuatu	4. الْقَصْدُ : إتيان الشيء Menuju kepada sesuatu	
Kesederhanaan (tidak berlebihan dan tidak terlalu kurang)	5. الْقَصْدُ : ما بين الإفراط والتفريط Kesederhanaan (tidak berlebihan dan tidak terlalu kurang)	
Keazaman / arah tujuan	6. الْقَصْدُ : التوجه والاعتزام Keazaman / arah tujuan	

Berdasarkan analisis makna bagi kata ‘surah’ dari KLA dan KDP, perubahan makna yang jelas menurut kerangka teori Millar dan Trask (2015) adalah penyempitan makna. Dalam KLA, ‘surah’ mengandungi lima makna yang berbeza seperti bahagian atau tingkat dalam sesuatu susunan, bahagian dalam al-Quran, kedudukan yang tinggi, kemuliaan serta batas atau sempadan. Namun, dalam KDP, makna tersebut dikhususkan hanya kepada satu domain sahaja, iaitu semuanya berkaitan dengan al-Quran seperti bab dalam al-Quran, surah lazim, surah Madaniah dan Makkiah. Makna lain seperti tingkatan, kedudukan, kemuliaan dan batas tidak digunakan. Dalam proses penyempitan makna yang berlaku, terdapat unsur sinekdoki iaitu pengkhususan makna pada kata ‘surah’ dalam bahasa Melayu. Perkara ini jelas dilihat pada definisi ‘surah’ sebagai surah lazim, surah Madaniah dan surah Makkiah yang semuanya merujuk kepada ayat-ayat al-Quran. Dalam hal ini, konsep umum ‘bahagian dalam al-Quran’ digunakan untuk mewakili satu bentuk khusus yang mempunyai fungsi dan struktur tertentu dalam kitab suci tersebut. Kesimpulannya, kata ‘surah’ sangat jelas berlaku penyempitan makna dan sinekdoki dalam bahasa Melayu berdasarkan analisis makna dari KLA dan KDP (*Jadual 5 dan Jadual 6*).

Jadual 5. Analisis Kata Serapan ‘Surah’.

KSA	KLA	KDP
Surah	1. السُّورَةُ : المنزلة 2. السُّورَةُ من القرآن : قطعة من القرآن	1. Bab dalam al-Quran yang jumlahnya 114 dan dibahagikan kepada 30 juz
Bahagian / tingkat dalam sesuatu susunan	3. السُّورَةُ : درجة إلى غيرها	2. Surah lazim – beberapa surah pendek dalam juz ke-30 al-Quran yang biasa dibaca dalam solat
Bahagian Al-Quran	4. السُّورَةُ : الرَّفْعَةُ وَالشَّرَفُ	3. Surah Madaniah – surah yang diturunkan selepas hijrah ke Madinah, mengandungi ayat berkaitan ibadat dan hukum-hakam
Tingkatan / susunan	5. السُّورَةُ : الحدّ	4. Surah Makkiah – surah yang diturunkan sebelum hijrah ke Madinah, mengandungi ayat yang menyeru kepada tauhid
Kemuliaan / kedudukan tinggi		
Batas / sempadan		

Jadual 6. Analisis Kata Serapan ‘Ibadah’.

KSA	KLA	KDP
Ibadah	1. الْعِبَادَةُ : الطَّاعَةُ مَعَ الْخُضُوعِ	1. Segala amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk dilakukan oleh mukalaf sebagai mendekatkan diri kepada-Nya seperti solat, puasa dan zakat
Ketaatan dengan tunduk dengan penuh kerendahan diri kepada Allah	2. الْعِبَادَةُ : الطَّاعَةُ	2. Perbuatan atau upacara yang dilakukan oleh penganut sesuatu agama bagi memenuhi tuntutan agama masing-masing
Ketaatan dengan melakukan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya	3. عِبَادَةُ اللَّهِ : تَأَلُّهُ لَهُ	
Menyembah Allah / pengabdian kepada Allah	4. الْعِبَادَةُ : التَّذَلُّلُ	
Merendah diri	5. التَّعَبُّدُ : التَّسَلُّكُ	
Amalan keagamaan		

Berdasarkan perbandingan makna antara KLA dan KPD pada kata ‘ibadah’ adalah penyempitan makna. Dalam KLA, ‘ibadah’ mengandungi pelbagai makna seperti ketaatan, tunduk, pengabdian kepada Allah, merendahkan diri serta amalan keagamaan secara umumnya. Namun, dalam KDP, makna tersebut dikhususkan kepada amalan-amalan yang diperintahkan oleh Allah seperti solat, puasa dan zakat, serta digunakan pada konteks yang lebih umum meliputi amalan keagamaan bagi agama selain Islam.

Dalam takrif KDP, ‘ibadah’ dikhususkan pada ibadah zahir, tanpa meliputi aspek rohani iaitu kerendahan diri. Selain itu, terdapat juga peluasan makna dalam bahasa Melayu iaitu “perbuatan atau upacara yang dilakukan oleh penganut sesuatu agama”. Dalam hal ini, kata ‘ibadah’ tidak terhad kepada konteks agama Islam sahaja, tetapi turut digunakan untuk merujuk kepada amalan atau upacara keagamaan selain agama Islam. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa makna ‘ibadah’ telah berkembang dari konteks khusus kepada konteks yang lebih umum dalam bahasa Melayu. Kesimpulannya, terdapat penyempitan dan peluasan makna yang berlaku pada kata ‘ibadah’ setelah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu (*Jadual 7*).

Jadual 7. Analisis Kata Serapan ‘Syukur’.

KSA	KLA	KDP
Syukur	1. الشُّكْرُ : عِزْفَانُ الْإِحْسَانِ وَنَشْرُهُ Mengenang dan menyebarkan kebaikan	1. Perasaan berterima kasih kepada Tuhan
	2. الشُّكْرُ : الثَّنَاءُ عَلَى الْمُحْسِنِ Memuji pemberi nikmat	2. Dalam keadaan bernasib baik, beruntung atau bertuah
	3. الشُّكْرُ : مُقَابَلَةُ النِّعْمَةِ بِالْقَوْلِ وَالْفِعْلِ وَالنِّيَّةِ Membalas nikmat melalui lisan, perbuatan dan niat	3. Digunakan untuk menyatakan perasaan lega atau senang
	4. الشُّكْرُ مِنْ اللَّهِ : الْمَجَازَاةُ وَالثَّنَاءُ الْحَمِيلِ Balasan daripada Allah (memberi ganjaran dan pujian kepada hamba)	
	5. الشُّكْرُ : خِلَافُ الْكُفْرَانِ Lawan kepada kufur nikmat (tidak mengingkari nikmat)	

Berdasarkan analisis makna kata serapan ‘syukur’, perubahan makna yang dikenalpasti adalah penyempitan makna. Terdapat lima makna bagi takrifan ‘syukur’ dalam KLA berbanding hanya tiga makna dalam takrifan KDP. Jelas di sini bahawa proses penyempitan makna telah berlaku. Dalam KLA, makna ‘syukur’ adalah menyebarkan kebaikan, memuji pemberi nikmat, membalas nikmat melalui lisan, perbuatan dan niat, mendapat ganjaran daripada Allah, serta tidak mengingkari nikmat yang diperolehi. Namun, dalam KDP, makna ‘syukur’ dikhususkan hanya kepada perasaan berterima kasih kepada Tuhan, keadaan yang beruntung serta perasaan lega dan senang sahaja. Disamping itu, peluasan makna juga dikenalpasti pada takrifan KDP iaitu ‘syukur’ digunakan secara umum untuk menyatakan keadaan bernasib baik atau bertuah, namun tidak dinyatakan secara langsung dalam KLA. Kesimpulannya, kata ‘syukur’ mengalami perubahan semantik iaitu penyempitan makna dan peluasan makna dalam masa yang sama. Berdasarkan perbandingan makna di atas, kata ‘berkat’ menunjukkan beberapa bentuk perubahan makna berdasarkan teori Millar dan Trask (2015). Dalam KLA, makna asal ‘berkat’ tertumpu kepada pertambahan, kebaikan, kebahagiaan dan kurniaan daripada Allah. Manakala dalam KDP pula, selain menyerap dan menggunakan semua makna asal dari bahasa Arab, terdapat penambahan makna lain iaitu menggambarkan hasil atau manfaat daripada usaha, restu manusia serta kelebihan tertentu seperti berkat daulat dan berkat tuah. Penambahan makna ini jelas menunjukkan bahawa perubahan semantik yang berlaku adalah peluasan makna seperti dalam teori Millar dan Trask (2015). Selain itu, terdapat juga unsur pemindahan makna dalam perubahan semantik yang berlaku iaitu pada makna ‘berkat daulat’. Asalnya makna ‘berkat’ hanya fokus kepada pemberian Illahi dalam bahasa Arab, namun berlaku pemindahan makna dalam bahasa Melayu kepada sumber manusiawi iaitu ‘berkat daulat’ yang menunjukkan kuasa atau keistimewaan yang dikaitkan dengan raja.

Kesimpulannya, kata ‘berkat’ mengalami dua perubahan semantik iaitu peluasan makna dan pemindahan makna (*Jadual 8*).

Jadual 8. Analisis Kata Serapan ‘Berkat’.

KSA	KLA	KDP
Berkat	1. البركة : النماء والزيادة 2. البركة : السعادة 3. البركة : الكثرة في كل خير 4. بَارَكَ اللهُ فِيهِ : وضع فيه البركة	1. Kurnia atau rahmat Allah yang membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada manusia 2. Hasil, manfaat atau kesejahteraan yang diperoleh daripada kebaikan yang dilakukan 3. Restu daripada orang yang baik atau dihormati 4. Banyak membawa kebaikan atau manfaat kepada manusia 5. Berkat daulat – kuasa atau keistimewaan luar biasa yang dipercayai dimiliki oleh raja atau orang yang tinggi darjatnya 6. Berkat tuah – kebaikan atau kelebihan yang dipercayai membawa keuntungan
	Pertumbuhan / pertambahan	
	Kebahagiaan	
	Banyak dalam kebaikan	
	Diberkati oleh Allah (dalam suatu kebaikan)	

Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap semua kata serapan Arab yang dikaji iaitu Islam, umat, rahmat, maksud, surah, ibadah, syukur dan berkat, dapat dirumuskan bahawa perubahan semantik yang berlaku pada makna bahasa Melayu memperlihatkan pola yang agak konsisten selaras dengan teori perubahan semantik Millar dan Trask (2015). Secara umumnya, perubahan semantik yang paling dominan ialah penyempitan makna, diikuti oleh peluasan makna, pemindahan makna dan juga perubahan sinekdoki. Perubahan makna bagi kata serapan Islam, umat, rahmat, maksud, surah dan ibadah lebih cenderung kepada penyempitan makna. Hasil rujukan terhadap KLA mendapati makna bagi kesemua kata ini bersifat luas dan holistik merangkumi pelbagai dimensi konseptual. Namun, setelah diserap ke dalam bahasa Melayu, berlaku pengurangan makna kerana penggunaannya lebih tertumpu kepada makna utama sahaja berbanding makna-makna yang lain. Perkara ini berlaku kerana proses peminjaman kata dan seterusnya penyerapan kata bermula secara komunikatif, tanpa konsep pembelajaran bahasa yang formal. Oleh itu, makna pertama yang difahami dan makna-makna yang relevan dalam komunikasi harian masyarakat akan dikekalkan. Seterusnya, kata syukur dan berkat pula mengalami peluasan makna. Makna asal yang lebih fokus kepada konsep keagamaan telah berkembang dengan budaya masyarakat Melayu sehingga makna bagi kedua-dua kata tersebut telah berkembang kepada penggunaan yang lebih umum. Perkembangan ini menunjukkan bahawa kata serapan bukan sahaja dikekalkan dalam domain agama, tetapi turut disesuaikan dengan budaya dan persekitaran masyarakat.

Tambahan dari itu, terdapat juga beberapa perubahan semantik yang kecil pada kata Islam, umat, maksud, berkat dan surah. Berlaku pemindahan makna pada kata maksud dan berkat. Konsep asal makna kata ini telah ditambah kepada konsep yang lain yang sesuai dengan budaya masyarakat Melayu. Perubahan sinekdoki pula pada kata Islam, umat dan surah iaitu mengkhususkan maknanya dalam bahasa Melayu. Kata Islam

digunakan untuk menggambarkan orang Islam, manakala umat pula dikhususkan untuk orang yang menganut agama Islam. Kemudian, kata surah yang asalnya umum iaitu bahagian dalam al-Quran telah dikhususkan menjadi surah lazim, surah Makkiah dan surah Madaniyah. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa proses penyerapan entri Arab ke dalam bahasa Melayu bukan sekadar pemindahan bentuk leksikal, tetapi tidak lari daripada penyesuaian makna berdasarkan konteks budaya, sosial dan komunikasi harian masyarakat. Perkara ini membuktikan bahawa makna sesuatu kata serapan adalah bersifat fleksibel dan sentiasa berkembang. Perubahan yang berlaku dapat dijelaskan melalui teori perubahan semantik seperti yang dikemukakan Millar dan Trask (2015).

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod FRGS/1/2023/WAB10/UITM/02/1.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abas, N.A., Abusahyon, A.S., Sahad, M.S. (2019): Semantically divergent meaning of Arabic loanwords in the Malay language. – The 5th International Conference on Linguistics, Literature and Culture (ICLLIC 2019), George Town, Penang, Malaysia 34p.
- [2] Abdul Mutalib, A.R. (2023): Penyesuaian ortografi dan imbuhan kata pinjaman bahasa Arab dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008. – RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya 2(1): 23-55.
- [3] Abu Bakar, N., Zahid, I., Jaafar, M.F., Wan Ali, W.Z.K. (2024): Pemetaan dan pengklasifikasian domain semantik Syariah berdasarkan hubungan makna leksikal kata pinjaman bahasa Arab. – Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities 32(S1): 1-27.
- [4] Bakri, M.A., Rusli, N.F.M. (2022): Variasi sebutan kata serapan bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa. – Jurnal Melayu 21(2): 16-31.
- [5] Ibn Manẓūr, M. ibn M. (1414H/1994): Lisān al-‘Arab. – Dār Ṣādir, Beirut, 15: 8197p.
- [6] Kamus Dewan Edisi Keempat (2019): Kamus Dewan Edisi Keempat. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1817p.
- [7] Kamus Dewan Perdana (2021): Kamus Dewan Perdana. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 2529p.
- [8] Kitagawa, H. (2002): The development and standardization of the Malay language. – Journal of Southeast Asian Studies 33(3): 437-452.
- [9] Millar, R.M., Trask, R.L. (2015): Trask's Historical Linguistics. – Routledge, Abingdon 412p.
- [10] Omar, A.H. (2013): Sejarah Ringkas Bahasa Melayu. – Jabatan Muzium Negara, Kuala Lumpur 100p.
- [11] Sarudin, A., Jalaluddin, N.H. (2017): Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab-Melayu. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 200p.

- [12] Yeob, S.J., Abd Rahman, L. (2023): Perubahan dan kehilangan bunyi Arab dalam beberapa bahasa pilihan: Satu kajian etimologi bunyi Arab. – Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) 8(12): 1-13.
- [13] Zahid, I., Abu Bakar, N., Wan Ali, W.Z.K., Jaafar, M.F. (2024): Pembangunan prototaip: Peluasan makna kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu. – Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities 32(S1): 51-85.